

Bil. S 24

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERINTAH DARURAT (AKTA AGENSI PELABURAN BRUNEI)
(PINDAAN), 1998**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Agensi Pelaburan Brunei) (Pindaan), 1998.

Pindaan pada bab 23 dalam Penggal 137. 2. Akta Agensi Pelaburan Brunei adalah dipinda dengan dibatalkan bab 23 dan menggantikannya dengan yang berikut :

“23. Agensi akan dalam tempoh 6 bulan dari penutupan tahun kewangannya, menghadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat –

(a) satu salinan akaun tahunan ; dan

(b) satu laporan oleh pihak Lembaga mengenai dengan pengendalian Agensi sepanjang tahun.”.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Rabiulawal Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 16 haribulan Julai, Tahun Masihi 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**